

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN
(BANDAR KUCHING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 20.11.2014

Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) secara langsung atau tidak langsung memegang saham dalam Malaysia Airline System (MAS). Berapakah kerugian yang dialami oleh kedua-dua Kumpulan tersebut dalam pelaburan mereka dalam MAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaburan di dalam saham MAS merupakan salah satu pelaburan yang memberikan pulangan yang baik kepada KWSP sejak awal pelaburan dimulakan. Namun, KWSP mula mengurangkan pegangan di dalam saham syarikat ini sejak beberapa tahun yang lalu seiringan dengan program pendiversifikasian pelaburan KWSP serta terdapat pelaburan-pelaburan lain yang lebih menepati kriteria pelaburan KWSP. Jumlah pegangan saham MAS yang telah dilepaskan oleh KWSP dari tahun 2011 hingga 2014 adalah berjumlah 323,917,140 unit. Mulai daripada awal bulan Mei 2014, KWSP tidak lagi mempunyai sebarang pegangan di dalam saham syarikat MAS. Malah KWSP juga tidak mengambil bahagian dalam tindakan korporat iaitu terbitan hak (*right issues*) yang dilaksanakan oleh syarikat ini pada tahun 2013. Amaun kerugian yang dialami bagi pelupusan saham MAS sejak tahun 2011 adalah minimal iaitu RM172.83 juta berbanding jumlah pendapatan pelaburan kasar yang dijana oleh portfolio Ekuiti Domestik KWSP sejak tahun 2011 hingga 2013 iaitu sebanyak RM25.7 billion.

Bagi Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] pula, KWAP tidak memegang saham secara langsung atau tidak langsung dalam

MAS pada masa ini. Walau bagaimanapun, KWAP melanggan sejumlah RM1.5 bilion di dalam instrumen *Perpetual Junior Sukuk* terbitan MAS. Setakat ini, MAS belum pernah gagal atau pun lewat melaksanakan tanggungjawabnya membayar faedah dari instrumen Sukuk yang dilangani oleh KWAP.